

Burung Hantu Kecil

Adalah burung hantu paling kecil di Asia dan antara yang paling kecil di dunia. Beratnya hanya **52 - 63 gram** dan berukuran **15 - 17 cm** panjang badan. Burung ini memiliki sepasang mata palsu yang besar di belakang kepala. Ini bertujuan mewujudkan ilusi bahawa ia adalah lebih besar daripada saiz sebenar untuk menipu pemangsanya.

Tijup

Dikenali juga sebagai burung penyembelih kerana apabila sedang bertenggek dengan tegak di atas dahan di habitat terbuka. Burung ini sentiasa kelihatan seperti dalam keadaan bersedia untuk menyerang pemangsanya. Pilihan makanannya banyak terdiri daripada cicak, ular kecil, ikan, serangga besar, burung kecil dan tikus.

Takur Raya

Burung ini mempunyai status senarai merah IUCN hampir terancam disebabkan kehilangan habitat. Taburan burung ini terhad di selatan Tenasserim, Myanmar, semenanjung Thailand, semenanjung Malaysia, Borneo, Sumatra dan Singapura. Juga boleh dijumpai di kawasan pertanian seperti ladang getah dan kebun buah yang berhampiran dengan hutan tebal.

Bangau Kerbau

Spesies bangau yang paling meluas taburannya. Biasa dijumpai di kawasan berair seperti tasik, kolam, paya, sungai, pulau dan sawah padi. Burung ini biasanya dijumpai bersama lembu, kerbau dan haiwan ungulat (haiwan berkuku) lain untuk memakan kutu dan lalat yang sentiasa mengharung mamalia pemakan rumput ini.

Pekaka Paruh Besar

Adalah burung raja udang paling besar di Malaysia, berukuran **35 - 38 cm** panjang. Paruh yang besar menunjukkan burung ini suka makan ikan besar, termasuklah ikan buntal, ikan keli dan udang karang. Menghempaskan ikan besar berkali-kali di dahan hinggapnya sebelum menelan ikan yang sudah lembut itu. Turut makan haiwan lain termasuk cicak, katak, ular dan tikus.

Botak Kecil

Bersaiz antara **110- 150 sentimeter (cm)** tinggi dengan lebar kepak antara ciri ketara burung ini ialah kepala dan lehernya botak. Kepala dan leher yang tiada bulu lebih senang dibersihkan setiap kali selepas memakan bangkai haiwan besar. Makan haiwan lain seperti katak, ular, cicak, tikus dan ikan, terutama ikan belacak.

- Taman Negara Talang-Satang, Sarawak
- Bako-Buntal Bay, Sarawak
- Bau limestone, Sarawak
- Banjaran Bungo, Sarawak
- Gunung Penrissen, Sarawak
- Pantai Sadong-Saribas, Sarawak
- Pulau Bruit Sarawak
- Kawasan Perlindungan Hidupan Liar Lanjak-Entimau
- Banjaran Hose-Laga, Sarawak
- Hulu Sungai Baleh, Sarawak
- Danum-Linau, Sarawak
- Dataran Tinggi Usun Apau
- Banjaran Dulit, Sarawak
- Taman Negara Similajau, Sarawak
- Taman Negara Niah, Sarawak
- Taman Negara Bukit Lambir, Sarawak
- Taman Negara Loagan Bunut, Sarawak
- Kawasan Terlingdung Mulu-Buda, Sarawak
- Dataran Tinggi Kelabit, Sarawak
- Brunei Bay, Brunei